

1983

BANGI, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA MELAYU, TERMASUK BADAN EKONOMI DAN POLITIK, YANG MEMBIARKAN PERGERAKAN MEREKA BERPECAH MENGIKUT PUAK-PUAK TERTENTU SEHINGGA MELEMAHKAN PERGERAKAN PERTUBUHAN ITU SECARA KESELURUHANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA GEJALA YANG TIDAK SIHAT ITU, MEMBAHAGI-SAHAGIKAN KUMPULAN DALAM SATU PERTUBUHAN SEPERTI ADANYA KUMPULAN ULAMAK DAN BUKAN ULAMAK, LEPASAN UNIVERSITI INI DAN LEPASAN UNIVERSITI ITU, KUMPULAN DARI BIDANG ITU DAN BIDANG INI DAN SEUMPAMANYA, BOLEH MELEMAHKAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI MASYARAKAT MELAYU.

+TIDAK MENGAPA JIKA WUJUD KALANGAN ITU DAN KALANGAN INI SEKIRANYA IA DIASASKAN KEPADA SEMANGAT UNTUK MENYATUKAN SUMBANGAN KEARAH MATLAMAT AKHIR PERJUANGAN,+ KATA BELIAU.

+TETAPI JIKA KUMPULAN YANG WUJUD HANYA MEMUPUK RASA KEAKUAN DENGAN SIKAP 'AKU LEBIH PENTING DAN AKU YANG LEBIH BERHAK', IA HANYA AKAN MENYEMAIKAN BIBIT-BIBIT PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN 35 TAHUN GABUNGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DI SINI. --LAGI
1834/PA

MAHATHIR-MELAYU 2 BANGI

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENGGESA SEMUA PIHAK BERPEGANG TEGUH KEPADA PEPATAH 'BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH' YANG MENURUTNYA MENJADI ASAS KEPADA KEJAYAAN DALAM SETIAP BIDANG YANG DIPERJUANGKAN.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS SIKAP SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA MASYARAKAT MELAYU YANG MASIH DIKONGKONG OLEH SIKAP-SIKAP NEGATIF DAN BERSIKAP 'TIDAK APA' DALAM HAL-HAL TERTENTU.

KATANYA, SIKAP ITU TERMASUKLAH SIKAP YANG AMAT SUKA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN, KEPADA KERAJAAN DAN KEPADA NASIB DALAM BANYAK PERKARA DAN SIKAP ITU MASIH SUBUR DI KALANGAN ORANG MELAYU .

+HINGGAKAN DALAM SOAL AGAMA PUN, ADA ANGGOTA MASYARAKAT MELAYU YANG INGIN BERGANTUNG KEPADA SEMUA BENTUK PEMBERIAN, DARI TEMPAT IBADAT KEPADA TIKAR SEMBAHYANG, PINGGAN MANGKUK DAN BELANJA UNTUK MENGADAKAN SESUATU MAJLIS KEAGAMAAN MELAINKAN JIKA NIAT USAHA INI DIASASKAN KEPADA KEPENTINGAN LAIN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1840/PA

ZCZC 8632

MAHATHIR-MELAYU 3 BANGI RRR

DI BIDANG PELAJARAN PULA, TAMBAH BELIAU, TERDAPAT SETENGAH-SETENGAH PENUNTUT MELAYU YANG MERASAKAN MEREKA BERHAK MENDAPAT TEMPAT DI INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI, SEDANGKAN APABILA MEREKA BERADA DI SANA MEREKA TERPAKSA DIPAKSA UNTUK BELAJAR, UNTUK MENGHADIRI KULIAH DAN TUTORIAL, UNTUK MEMBACA DAN +MEMBUAT ITU DAN INI.+

+PENUNTUT-PENUNTUT MELAYU CUI DENGAN BAHASA MALAYSIA KERANA ANGGAPAN MEREKA BAHASA MALAYSIA BAHASA MEREKA SEDANGKAN ANAK-ANAK KAUM LAIN MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DALAM BAHASA MALAYSIA ATAS USAHA GIGIH MEREKA,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGGESA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SUPAYA MENYEDARI HAL INI KERANA +JIKA KITA LEMAH KERANA KITA CUI, DAN ENDAH TAK ENDAH DENGAN KECAPAIAN KITA, TENTULAH KITA SELAMA-LAMANYA AKAN MENJADI BANGSA YANG LEMAH DAN TIDAK ADA APA BANTUAN PUN YANG AKAN MEMBERI FAEDAH JANGKA PANJANG.+

KATANYA, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB BANGSA MELAYU SENDIRI MENCATASI KELEMAHAN BANGSANYA DAN BUKAN UNTUK BERBANGGA DAN MENGEKHAJALKAN ORANG MELAYU DI ALAM IMPIAN DENGAN PERKARA YANG BUKAN-BUKAN. --LAGI 1840/MD

MAHATHIR-MELAYU 4 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA GOLONGAN CERDIK-PANDAI MELAYU DARI SEMUA BIDANG, TERUTAMA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, MENYERTAI KEGIATAN-KEGIATAN PERTUBUHAN SUKARELA BAGI MENINGKATKAN KEMAMPUAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM BIDANG YANG MASIH MEMERLUKAN PERHATIAN DAN BIMBINGAN.

SELAIN DARI ITU, MEREKA JUGA PERLU MENGUBAHSUAI PERANAN DAN PERJUANGAN UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI BANGSA MELAYU SUPAYA SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN-KEPERLUAN DAN KEADAAN ZAMAN YANG SEMAKIN MENINGKAT MAJU.

BAGI MENCAPAI TAHAP ITU, SETIAP RINTANGAN DAN KELEMAHAN HESTILAH DIATASI, SUNGGUHPUN KELEMAHAN ITU MERUPAKAN SATU PERKARA YANG PEDIH UNTUK DIHADAPI, TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA MENEGUR SIKAP SEGELINTIR MEREKA YANG DILAHIRKAN CELEPAS ZAMAN MERDEKA YANG TIDAK DAPAT MEMAHAMI SEPENUHNYA PAPIT MAUNG PERJUANGAN DATUK NENEK MEREKA UNTUK MENINGGIKAN MARTABAT BANGSA MELAYU.

SAPA YANG DIKESALKAN IALAH SIKAP MEREKA YANG MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA INI SEPERTI SIKAP SEORANG RAKYAT ASING TANPA BERSYUKUR KEPADA KEBAHAGIAN DAN KEMAKMURAN NEGARA PADA MASA INI + KATANYA. --- LAGI 1835/PA

MAHATHIR-MELAYU 5 BANGI

+SAYA BERHARAP KITA DAPAT BERSAMA-SAMA MENYEDARKAN DIRI DAN ANAK-ANAK KITA SUPAYA MEMPUNYAI KEMAMPUAN DAN KEMATANGAN UNTUK MENERIMA NEGARA INI SEBAGAI WARISAN APABILA TIBA MASANYA NANTI DAN UNTUK MEMBAWANYA KE TAHAP PENCAPAIAN YANG LEBIH TINGGI LAGI,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENAUUNG GPMS KEMUDIANNYA DIANUGERAHKAN SIJIL KEANGGOTAAN SEUMUR HIDUP GPMS.

TURUT ANUGERAHKAN SIJIL SEUMUR HIDUP GPMS IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH MOHAMAD ALI YANG JUGA MERUPAKAN SALAH SEORANG PENGASAS PERGERAKAN GPMS, DATUK PADUKA ABDUL WAHAB ARIF, PRESIDEN GPMS YANG PERTAMA, PROF. TAN SRI AWANG HAD SALLEH, NAIB CANSOLOR UKM, DAN DATUK ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD, TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN.

PERAYAAN 35 TAHUN GPMS INI BERLANGSUNG SELAMA LIMA HARI SEHINGGA RABU INI DIPENUHI DENGAN ACARA-ACARA CERAMAH, FORUM, PAMERAN DAN PERTANDINGAN PIDATO.--BERNAMA 1908/PA